



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2011/2012**

NAMA KURSUS : **PENGAJIAN MORAL**

KOD KURSUS : **UWA10202**

PROGRAM : **1 BDD /BED /BIT/BPA/BPC /BPD**

TARIKH PEPERIKSAAN : **JANUARI 2012**

JANGKA MASA : **2 JAM**

ARAHAN : **A) JAWAB SEMUA SOALAN
DALAM BORANG OMR YANG
DISEDIAKAN**

**B) DILARANG MEMBAWA KERTAS
SOALAN INI KELUAR DARI
DEWAN PEPERIKSAAN**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA PULUH DUA (22) MUKA SURAT

S1 Dari manakah asal perkataan moral?

- A Bahasa Arab iaitu *mores*
- B Bahasa Latin iaitu *morale*
- C Bahasa Latin iaitu *moralis*
- D Bahasa Arab iaitu *moralis*

S2 Apakah rujukan utama perkataan moral?

- I Amalan
 - II Perbuatan
 - III Tingkah laku
 - IV Nilai-nilai yang baik dan buruk dalam sesuatu masyarakat
-
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D Semua di atas

S3 Apakah yang dimaksudkan dengan etika?

- I Satu set peraturan tetap yang diwujudkan sebagai panduan kepada manusia untuk menjamin kehidupan yang aman dan harmoni
 - II Satu disiplin yang dapat memberi maklumat kepada kita apakah sistem moral yang diamalkan oleh kelompok tertentu
 - III Etika berasal daripada perkataan *ethos* yang merujuk kepada “perlakuan seseorang”
 - IV Satu disiplin atau peraturan yang menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu baik atau buruk.
-
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D Semua di atas

S4 Etika adalah cabang utama daripada ilmu

- A filologi
- B falsafah
- C sosiologi
- D antropologi

S5 Antara berikut manakah faktor luaran yang mempengaruhi pembentukan moral?

- I Faktor adat resam
- II Faktor alam persekitaran
- III Faktor teman dan rakan sebaya
- IV Faktor undang-undang dan peraturan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

S6 Dari manakah asal perkataan akhlak?

- A Bahasa Arab
- B Bahasa Latin
- C Bahasa Melayu
- D Bahasa Inggeris

S7 Apakah maksud perkataan akhlak dalam Islam?

- I sifat yang memikirkan kepentingan diri sahaja
- II Ilmu yang menyarankan cara-cara untuk membersihkan hati seseorang
- III Ilmu yang menyarankan cara-cara untuk menghiasi hati dengan sifat-sifat baik dan membersihkannya dari sifat-sifat yang keji
- IV Keadaan kejiwaan (hati) yang akan membentuk tingkah laku seseorang manusia

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

S8 Apakah asas etika Islam (Akhlak)?

- I Tradisi Islam
- II Ajaran al-Qur'an
- III Undang-undang Islam
- IV Ajaran Hadis Nabi Muhammad s.a.w.

- A I dan II
- B I dan III
- C I dan IV
- D Semua di atas

S9 Apakah prinsip-prinsip moral yang diinspirasi melalui wahyu?

- I Undang-undang Musa
- II Undang-undang Yesus
- III Undang-Undang Islam
- IV Jalan Lapan Lapis Mulia dalam agama Buddha

- A I dan II
- B I dan III
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

S10 Antara contoh kod moral adalah

- I Golden Rule
- II Kod Mesir kuno *Ma'at*
- III Jalan Lapan Lapis Mulia agama Buddha
- IV Sepuluh Perintah (*Ten Commandments*) agama Kristian

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

S11 Apakah perbezaan antara moral, akhlak dan etika?

- I Akhlak, moral dan etika adalah sama
- II Moral adalah daripada perspektif Barat
- III Akhlak adalah daripada perspektif Islam
- IV Etika adalah set peraturan dalam sesuatu masyarakat

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

S12 Etika terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

- A etika aktif dan pasif
- B etika pasif dan normatif
- C etika normatif dan tentatif
- D etika deskriptif dan normatif

- S13** Manakah keterangan berikut yang menunjukkan moral terhadap agama?
- I Moral dapat menjamin manusia untuk terus hidup aman damai
 - II Perbuatan yang merujuk kepada hubungan manusia dengan Tuhan
 - III Kepercayaan kepada Tuhan adalah asas utama kehidupan bermoral
 - IV Membuat apa yang diperintahkan dan meninggalkan apa yang dilarang
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D Semua di atas
- S14** Apakah maksud tindakan teori Utilitarianisme?
- A Tindakan sesuatu dianggap bermoral di tempat tertentu sahaja
 - B Semua tindakan dilakukan adalah untuk kebaikan diri sendiri sahaja
 - C Semua perbuatan dilakukan hanya baik jika mempunyai hati yang baik
 - D Tindakan yang akan memberi kebaikan maksimum kepada semua orang
- S15** Siapakah dua ahli falsafah yang berkait rapat dengan teori Utilitarianisme ?
- A Jeremy Bentham dan John Stuart Mill
 - B John Stuart Mill dan George Hamilton
 - C Jeremy Bentham dan George J. Holyoake
 - D John Stuart Mill dan George Bernard Shaw
- S16** Dasar teori etika Utilitarianisme ialah kemampuan untuk
- A meramalkan tindakan selanjutnya
 - B mengenalpasti moral pada individu
 - C meramalkan akibat dari suatu tindakan
 - D mengenalpasti tahap keuntungan dari suatu tindakan
- S17** Apakah yang dimaksudkan dengan teori Deontologi?
- A Teori yang menitikberatkan kepada kepentingan diri sendiri
 - B Teori yang mementingkan hasil dan manfaat sesuatu perbuatan
 - C Teori yang mewajibkan perlaksanaan tugas dan tanggungjawab
 - D Teori yang tidak mewajibkan perlaksanaan tugas dan tanggungjawab

S18 Manakah keadaan berikut termasuk dalam teori Deontologi?

- I Doktor David berusaha sedaya upaya untuk menyelamatkan seorang pesakit yang mengalami kemalangan dan jika gagal maka akan menjejaskan reputasinya
- II Cik Fatimah merosakkan cermin kereta untuk menyelamatkan seorang bayi yang terkurung di dalamnya, akibatnya didakwa oleh pemiliknya
- III Encik Arif seorang anggota polis yang bertanggungjawab mengorbankan diri sendiri ketika menghalang penjenayah demi menyelamatkan orang awam
- IV Encik Lee tidak dapat menghadiri kelas moral kerana ingin menyelesaikan projek-projeknya dalam masa yang singkat

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II III dan IV
- D Semua di atas

S19 Prinsip dalam teori Deontologi adalah

- A masyarakat perlu mematuhi suara dalaman mereka ketika menganalisa dilema etika
- B masyarakat mesti mematuhi kewajipan dan tugas ketika menganalisa dilema etika
- C masyarakat perlu mematuhi keperluan masyarakat mereka ketika menganalisa dilema etika
- D masyarakat harus mengikuti agama mereka dan tugas-tugas agama ketika menganalisa dilema etika

S20 Apakah faktor-faktor dalaman yang mempengaruhi pembentukan moral?

- I Naluri
 - II Pemikiran
 - III Kepercayaan
 - IV Rakan sebaya
-
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

S21 Berikut adalah kebaikan mengamalkan nilai-nilai moral **kecuali**

- A mudah dipercayai masyarakat
- B mudah disukai oleh orang ramai
- C mudah dihormati oleh orang lain
- D mudah terlibat dalam gejala sosial

S22 Apakah ciri utama moral terhadap alam sekitar?

- I Merujuk kepada hubungan manusia dengan alam
- II Manusia bertanggungjawab mengurus alam dengan sebaik-baiknya
- III Menjamin kesejahteraan hidup manusia kerana setiap benda di alam ini mempunyai faedah tersendiri
- IV Menghindari penebangan hutan yang akan menyebabkan hakisan tanah dan banjir

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

S23 Mengapakah individu harus mengamalkan nilai-nilai moral?

- A Menerima ganjaran daripada majikan
- B Memupuk sikap amanah dalam tugas
- C Memperoleh pujian dari orang yang dibenci
- D Mendapatkan kasih sayang dari orang yang dicintai

S24 Manakah yang berikut merupakan maksud moral terhadap diri sendiri?

- I Adanya kesedaran untuk memperbaiki diri
- II Adanya kawalan dari dalam diri seseorang
- III Adanya kawalan dari persekitaran seseorang
- IV Merujuk kepada hubungan manusia dengan dirinya

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

- S25** Pilih pernyataan yang dianggap bermoral terhadap masyarakat.
- A Semua ajaran agama menekankan bahawa seseorang itu wajib berkelakuan baik kepada orang lain
 - B Ajaran agama menekankan bahawa manusia dengan jirannya tidak perlu mengamalkan sikap toleransi
 - C Semua ajaran agama menekankan bahawa seseorang itu tidak wajib berkelakuan baik kepada orang lain
 - D Manusia yang hidup dalam kelompok masyarakat tertentu tidak perlu mengamalkan amalan moral dalam kehidupannya
- S26** Apakah kepentingan moral dalam kehidupan?
- I Kesempurnaan peribadi
 - II Untuk menjaga keamanan
 - III Kelangsungan tamadun dunia
 - IV Penggalak kebaikan dan penghalang kejahatan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas
- S27** Apakah cara-cara yang betul untuk mengatasi masalah rasuah?
- I Mengetatkan undang-undang
 - II Mengadakan kempen antirasuah
 - III Melalui pengajaran dalam persekolahan
 - IV Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan pemantauan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D Semua di atas
- S28** Apakah yang dimaksudkan dengan moral sejagat?
- A Tingkah-laku yang bersopan-santun
 - B Nilai-nilai moral yang mengarahkan kepada kebaikan
 - C Moral yang dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat
 - D Nilai-nilai moral yang seharusnya diamalkan oleh setiap individu

- S29** Apakah sikap yang mungkin ada pada individu yang kurang bermoral?
- A Hormat dan taat kepada anggota keluarga
 - B Mementingkan kepentingan diri sendiri sahaja
 - C Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan
 - D Kesanggupan memikul serta melaksanakan tugas dan kewajipan dengan sempurna
- S30** Pilih pernyataan yang tidak menggambarkan ajaran Hindu
- A Orang Hindu tidak akan makan daging lembu
 - B Sebahagian besar orang Hindu adalah vegetarian
 - C Beberapa candi Hindu memelihara binatang suci
 - D Pembunuhan hanya dibenarkan kepada orang yang mempunyai kasta yang lebih tinggi
- S31** Berikut adalah asas etika Buddha **kecuali**
- A latihan untuk mengelakkan rasa bersalah
 - B latihan untuk mengelakkan pembunuhan makhluk hidup
 - C latihan untuk mengelakkan niat buruk kepada makhluk lain
 - D latihan untuk mengelakkan mengambil barang yang tidak diberi
- S32** Apakah empat (4) objektif mulia dalam membentuk jati diri masyarakat India?
- A Porullartha, Inbamlka, Vidhva, Datta
 - B Datta, Inbamlka, Damnyata, Aramldharma
 - C Aramldharma, Porullartha, Inbamlkama, Kahama
 - D Aramldharma, Porullartha, Inbamlkama, Vidulmaksha
- S33** Apakah yang dimaksudkan dengan *karma* dalam kepercayaan Buddha?
- A Setiap tindakan ada balasannya
 - B Kehidupan selepas mati dan sebelum lahir
 - C Hukum-hukum Buddha bagi setiap kesalahan
 - D Lima larangan yang ditetapkan kepada penganut Buddha

- S34** Apakah nilai-nilai murni yang disarankan oleh ajaran Hindu?
- A Shudra dan Vaishya
 - B Dharma dan Ahimsa
 - C Datta dan Dayadhyam
 - D Kshatriya dan Brahmin
- S35** Pilih pernyataan yang berkaitan dengan *Panca Sila* bagi ajaran Buddha?
- I Tidak mencuri
 - II Perasaan malu melakukan perbuatan jahat
 - III Menghindari tindakan yang tidak bertatasusila
 - IV Menghindari penggunaan bahan-bahan yang boleh melemahkan kesedaran dan mengurangkan ketagihan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- S36** Apakah yang dimaksudkan dengan etika Kristian?
- A Etika Nabi Musa
 - B Etika Alkitab dan Taurat
 - C Etika Perjanjian Baru (*New Testament*)
 - D Etika yang terbaik dalam falsafah moral abad pertengahan
- S37** Bagaimanakah proses pengulangan kehidupan dalam kepercayaan Hindu?
- A Kehidupan seterusnya di dunia lain
 - B Kelahiran, kematian dan lahir semula
 - C Tidak membunuh dan tidak menggunakan kekerasan
 - D Segala perbuatan manusia ketika hidupnya akan dibalas di akhirat

- S38** Pilih keterangan yang **benar** mengenai etika dalam Islam
- I Tidak membenarkan bunuh diri
 - II Segala amalan di dunia disediakan balasan di akhirat kelak
 - III Membenarkan pengguguran bayi bagi mengurangkan jumlah penduduk
 - IV Mengajar penganutnya bahawa segala amalan hamba sentiasa dikawal oleh Allah
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas
- S39** Apakah pandangan Islam terhadap kedudukan haiwan dan tumbuh-tumbuhan?
- A Umat yang lebih mulia dari manusia yang perlu dipuja
 - B Umat yang seumpama dengan manusia yang perlu dihargai
 - C Umat yang tidak sama dengan manusia yang tidak perlu dihargai
 - D Umat yang lebih rendah dari manusia yang tidak perlu perlindungan
- S40** Apakah yang dimaksudkan dengan cinta taat (*obedient love*) dalam falsafah agama Kristian?
- A Percaya kepada tuhan sebagai asas utama, dan seseorang tidak perlu menjaga cintanya kepada orang lain selagi tuhan masih mencintainya
 - B Percaya kepada Jesus adalah sumber utama cinta yang ada di dunia ini
 - C Percaya kepada tuhan sebagai tumpuan seseorang yang perlu dilakukan dengan cinta kepadaNya dan cinta kepada orang lain sepertimana cinta kepada diri sendiri
 - D Percaya kepada tuhan sebagai tujuan utama dan cinta kepada Jesus sebagai tujuan kedua
- S41** Apakah yang dimaksudkan dengan konsep *Yin Yang* dalam kepercayaan Taoisme?
- A Taraf lelaki lebih tinggi berbanding perempuan dalam sosial
 - B Perbezaan taraf antara lelaki dan perempuan dalam pekerjaan
 - C Kesamaan taraf antara lelaki dan perempuan dalam kehidupan
 - D Taraf perempuan lebih tinggi berbanding lelaki dalam rumah tangga

- S42** Perkara berikut mempunyai kaitan dengan kepercayaan Taoisme **kecuali**
- A *qigong*
 - B *fengshui*
 - C adat perkahwinan
 - D perubatan tradisional Cina
- S43** Berikut adalah perkara yang termasuk dalam lima asas hubungan manusia dalam kepercayaan Konfusianisme **kecuali**
- A ayah dengan anak
 - B suami dengan isteri
 - C guru dengan pelajar
 - D pemerintah dengan rakyat
- S44** Manakah pernyataan berikut yang dinilai sebagai etika dalam kepercayaan Sikh?
- I Penganut Sikh membaca kitab dari Guru Nanak Sahib
 - II Bagi orang Sikh, Tuhan adalah abadi, kekal selama-lamanya dan tidak terhad
 - III Orang Sikh percaya bahawa tujuan dalam kehidupan adalah cinta kepada tuhan
 - IV Orang Sikh tidak menerima atau mengikuti sistem kasta dan tidak percaya kepada benda-benda tahyul
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas
- S45** Di antara berikut manakah merupakan konsep dan prinsip yang telah dijelaskan oleh Immanuel Kant (1724 – 1804) dalam menggambarkan prinsip kewajipan dalam teori moral Deontologi?
- I Tekad Individu Rasional
 - II Konsep Tekad Baik (*Goodwill*)
 - III Prinsip Bermatlamatkan Kemanusiaan
 - IV Prinsip Perintah Mutlak (*Categorical Imperative Principle*)
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I, II dan III
 - D Semua di atas

S46 Menurut Immanuel Kant (1724 – 1804) dalam teori Deontologi peraturan (*rule deontology*) mengemukakan satu perinsip moral iaitu prinsip moral kewajipan ataupun tugas

Perkara ini beliau jelaskan di dalam bukunya:

- A *Being and Nothingness*
- B *Groundwork of the Metaphysic of Morals*
- C *On the Genealogy of Morals and Edde Homo*
- D *On the Genealogy of the Metaphysic of Morals*

S47 "Kewujudan sah apabila seseorang individu membuat pilihan dan keputusan moral yang tulen dengan tidak membenarkan dirinya dipengaruhi oleh pendapat dan pandangan orang lain dalam membuat pilihan dan keputusan moral".

Pernyataan di atas merujuk kepada prinsip

- A kewajipan
- B tekad baik
- C Perintah mutlak
- D Eksistensialisme

S48 Berikut adalah tokoh falsafah Eksistensialisme **kecuali**

- A Jean Paul Sartre
- B Martin Heidegger
- C Soren Kierkegaard
- D Friedrich Wilhelm Nietzsche

S49 Apakah kepentingan etika dalam perniagaan?

- A Panduan kepada peniaga supaya dapat menaikkan harga barangnya
- B Panduan peniaga untuk memiliki nilai dan etika yang baik dalam perniagaan
- C Panduan kepada peniaga untuk mengaut keuntungan yang besar dalam perniagaan
- D Panduan kepada pelanggan supaya boleh membeli barang dengan harga yang murah

S50 Apakah yang dimaksudkan dengan konflik moral?

- A Persefahaman nilai di antara dua pihak
- B Pergaduhan di antara dua pihak tentang nilai moral
- C Pertembungan masalah yang tidak dapat diselesaikan
- D Pertembungan antara dua nilai yang bertentangan dalam satu keadaan

- S51** Apakah strategi yang boleh dilakukan untuk menangani konflik moral?
- I Pemikiran yang terbuka
 - II Membuat keputusan sendiri tanpa ada perundingan
 - III Mengambil kira segala kepentingan sebelum membuat keputusan
 - IV Pemikiran yang mendalam dan terperinci dalam usaha menyelesaikan konflik
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D Semua di atas
- S52** Apakah punca-punca yang menyebabkan isu moral berlaku?
- I Didikan agama
 - II Pengaruh media massa
 - III Pengaruh rakan sebaya
 - IV Sifat ingin tahu dan mencuba
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas
- S53** Apakah jenis-jenis konflik moral ?
- I Konflik nyata
 - II Konflik budaya
 - III Konflik terbuka
 - IV Konflik khayalan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

S54 Apakah cara-cara mengatasi isu moral yang berlaku di Malaysia?

- I Melibatkan peranan ibu bapa
- II Memperkasakan pendidikan agama
- III Mengadakan kempen tentang isu-isu moral
- IV Melibatkan kerajaan dalam menangani konflik moral

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

S55 Susun tahap-tahap perkembangan berlakunya konflik mengikut urutan yang betul.

- I Akibat konflik
- II Konflik dikesan
- III Konflik disedari
- IV Konflik terpendam

- A I, II, III dan IV
- B I, III, IV dan II
- C VI, II, III dan I
- D III, I, IV dan II

S56 Berikut merupakan ciri-ciri prinsip eksistensialisme **kecuali**

- A pilihan terus daripada sumber asal (*first-hand choice*)
- B menitikberatkan kebebasan memilih (*freedom of choice*)
- C membenarkan orang lain membuat pilihan moral untuk dirinya (*invalid existence*)
- D membuat pilihan dan keputusan moral yang tulen dengan tidak membenarkan dirinya dipengaruhi oleh pandangan orang lain (*valid existence*)

- S57** Teori moral egoisme merujuk kepada
- A kriteria dan piawaian asas tentang sesuatu tindakan dan peraturan yang benar, baik, jahat, dan sebagainya ialah penghasilan nilai yang bukan moral
 - B kod etika, peraturan dan undang-undang moral ditentukan oleh manusia-manusia bangsawan (sebagai manusia yang individualistik), bukannya dinilai oleh peraturan moral yang mengandungi konsep pengorbanan diri, dosa, pahala dan kepercayaan agama
 - C sesuatu tindakan dan perlakuan itu patut, baik, benar dan diwajibkan adalah pertimbangan-pertimbangan intrinsik iaitu sifat perlakuan dan ciri peraturan itu sendiri
 - D individu yang baik dari segi moral dengan tekad baik yang mutlak ialah individu yang senantiasa berkelakuan dan bertindak atas dasar kewajipan atau kerana menghormati undang-undang
- S58** 'Ia menggambarkan kemoralan sosial iaitu yang berasaskan tradisi terutama etika agama Nasrani dan Yahudi sebagai ciptaan hamba abdi (*slave morality*)'.
- Kenyataan tersebut merujuk kepada pendapat dan falsafah
- A Richard Hare
 - B Immanuel Kant
 - C John Stuart Mill
 - D Friedrich Wilhelm Nietzsche
- S59** Manakah teori moral barat yang menegaskan bahawa seseorang itu sepatutnya melakukan sesuatu tindakan yang akan menghasilkan kebaikan yang banyak kepada setiap orang atau kepada orang ramai?
- A Teori Egoisme
 - B Teori Utilitarianisme
 - C Teori Deontologi-Lakuan
 - D Teori Deontologi-Peraturan

S60 Pilih pernyataan yang benar berkenaan dengan teori moral barat *teleologis*.

- I Berasal daripada perkataan Yunani "telos" bererti akhir atau akibat
- II Menegaskan bahawa kriteria dan piawaian asas tentang sesuatu yang betul, salah, baik, buruk, jahat dan sebagainya adalah hati nuraninya.
- III Sesuatu tindakan atau peraturan dianggap bermoral jika jumlah kebaikan yang dihasilkan melebihi kejahatan
- IV Akibat sesuatu perbuatan yang baik juga boleh ditafsirkan sebagai perkara yang boleh menguntungkan diri sendiri dan membuatkan orang lain bahagia

- A I dan II
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

S61 Pilih pernyataan yang paling tepat tentang prinsip etika sekularisme.

- I Memperbaiki kehidupan dengan cara kebendaan
- II Apa sahaja yang dianggap baik dan rasional maka ia adalah baik untuk dilakukan
- III Sumber kekayaan negara dinikmati bersama oleh seluruh rakyat secara sama rata
- IV Agama dan kepercayaan tidak dianggap sebagai sumber rujukan dalam memahami segala hal ehwal keduniaan

- A I dan II
- B III dan IV
- C III, IV dan V
- D Semua di atas

S62 Apakah yang dimaksudkan dengan etika egoisme universal?

- A Semua orang mengejar kepentingan orang lain secara eksklusif
- B Semua orang memberi bantuan kepada orang lain selagi diperlukan
- C Semua orang mengejar kepentingan mereka sendiri secara eksklusif
- D Semua orang memberi bantuan kepada orang lain sekalipun diri sendiri memerlukannya

- S63** Apakah yang dimaksudkan dengan egoisme?
- A Sebarang perbuatan yang dilakukan oleh seseorang itu untuk dikongsi oleh orang lain
 - B Sebarang perbuatan yang dilakukan oleh seseorang itu semata-mata untuk manfaat orang lain
 - C Sebarang perbuatan yang dilakukan oleh seseorang itu semata-mata untuk manfaat diri sendiri
 - D Sebarang perbuatan yang dilakukan oleh seseorang itu bukan semata-mata untuk manfaat diri sendiri
- S64** Siapakah yang memperkenalkan teori Utilitarianisme sebagai prinsip moral tertinggi yang disebut sebagai 'asas kegunaan atau manfaat' (*the principle of utility*)?
- A James Mill
 - B David Hume
 - C John Stuart Mill
 - D Jeremy Bentham
- S65** Siapakah yang pertama kali menggunakan istilah sekularisme?
- A Ibn Rushd
 - B Ibn Khaldun
 - C George Holyoake
 - D George Bernard Shaw
- S66** Istilah sekularisme sering dikaitkan dengan
- A gerakan untuk memperjuangkan kesetaraan manusia
 - B ideologi politik yang dipegang oleh bukan agamawan
 - C gerakan yang memisahkan antara agama dan kerajaan
 - D parti politik yang memperjuangkan pembangunan negara

- S67** Pilih pernyataan yang betul tentang sekularisme?
- I Bermaksud keduniaan, tiada agama dan zuhud
 - II Merupakan satu aliran falsafah yang tidak memiliki kebenaran atau panduan
 - III Ideologi yang memisahkan urusan keduniaan dari urusan keagamaan
 - IV Tidak bercanggah dengan Kristian tetapi tidak bergantung kepadanya
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D Semua di atas
- S68** Apakah faktor-faktor yang membawa kepada kemunculan fahaman sekularisme?
- I Teori-teori palsu mengenai sains dalam bidang astronomi dicipta
 - II Agama mula diterima oleh masyarakat pada zaman abad pertengahan
 - III Pihak gereja menyalahgunakan kuasa dan bertindak zalim terhadap rakyat
 - IV Tindakan kaum Yahudi yang cuba melakukan pemberontakan bagi meruntuhkan kepercayaan masyarakat terhadap agama Kristian
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D Semua di atas
- S69** Apakah nilai positif pada masyarakat sekular?
- I Kesetaraan semua orang
 - II Menghapus perbezaan kelas dan kasta
 - III Menghormati agama dan pemeluk agama
 - IV Memartabatkan institusi keagamaan di seluruh dunia
- A I dan II
 - B I dan III
 - C I, II dan III
 - D Semua di atas

- S70** Siapakah yang memperkenalkan teori psikoanalisis?
- A Almond Freud
 - B Sigmund Fuad
 - C Sigmund Freud
 - D Sigmand Proud
- S71** Siapakah pengasas darwinisme?
- A Charles Cyell Darwin
 - B George Royal Darwin
 - C George John Romanes
 - D Charles Robert Darwin
- S72** Apakah teori yang dikemukakan oleh Darwin?
- A Teori evolusi hidupan
 - B Teori psikologi manusia
 - C Teori perkembangan moral
 - D Teori perkembangan moral barat
- S73** Teleologi adalah berasal daripada perkataan Greek iaitu *telos*.
- Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan ini?
- A Akhir dan tujuan
 - B Akhir dan manfaat
 - C Tujuan dan maksud
 - D Tujuan dan cita-cita
- S74** Apakah ciri utama teori moral teleologis?
- A Ajaran moral dalam agama
 - B Tujuan sosial dari suatu perbuatan
 - C Niat seseorang pada suatu perbuatan
 - D Tujuan akhir setiap tindakan yang akan diambil

S75 'Penerapan nilai integriti di setiap organisasi telah menjadi satu budaya pada masa kini'.

Apakah kepentingan penerapan sikap ini?

- A Individu dapat berintegrasi antara satu sama lain
- B Meningkatkan produktiviti dan pengeluaran di dalam organisasi
- C Sikap kasih sayang dan memahami antara satu sama lain dapat disemai
- D Mengelakkan berlakunya penyalahgunaan kuasa dan sikap pentingkan diri

S76 Apakah kesan daripada semangat perkauman yang melampau?

- A Perpaduan sukar diwujudkan
- B Peperangan berlaku di mana sahaja
- C Individu akan menjadi terlalu mementingkan diri
- D Kurangnya integrasi dan asimilasi antara budaya

S77 Seorang wanita melihat sekumpulan remaja sedang merosakkan harta awam di tempat terbuka.

Apakah tindakan yang wajar dilakukan ketika itu?

- A Pergi dari situ
- B Menegur perbuatan remaja tersebut
- C Berjumpa dengan Majlis Perbandaran
- D Memberi jelingan sinis terhadap remaja tersebut

S78 Apakah teori yang menganggap hubungan sejenis dianggap sah dan tidak salah untuk dilakukan?

- A Psicotisme
- B Naturalisme
- C Darwinisme
- D Eksistensialisme

S79 Pengguguran janin sering berlaku dalam kalangan masyarakat yang tidak bertanggung jawab kerana untuk menyelamatkan diri dari imej yang buruk.

Sikap seperti ini boleh dikaitkan dengan teori

- A Psikologi
- B Teleologi
- C Meteorologi
- D Utilitarianisme

S80 Pamerdagangan manusia merupakan isu moral terkini yang hangat dibincangkan di dalam media massa.

Apakah faktor utama yang menyebabkan perkara ini berlaku?

- A Kepuasan
- B Kemiskinan
- C Keuntungan
- D Penyalahgunaan kuasa